

Warga UMS turun padang laksana khidmat komuniti

UB 15.11.2022 P.02

KOTAKINABALU: Terkesan dengan musibah banjir yang melanda penduduk Kampung Rampayan, Menggatal akibat hujan lebat sejak kebelakangan ini, warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) turun padang menyantuni dan melaksanakan aktiviti membantu penduduk kampung tersebut baru-baru ini.

Menerusi Program Sentuhan Kasih-KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) @ Kampung Rampayan, warga UMS terdiri daripada ahli Kesatuan Suri Rumah dan Staf Wanita UMS (KES-UMBA) dan sukarelawan pelajar UMS bersama-sama bergotong-royong membersihkan kawasan Sekolah Kebangsaan Rampayan, Menggatal yang ditenggelami air akibat banjir sehingga merosakkan buku-buku dan perabot di sekolah tersebut.

Kakitangan Hospital UMS (HUMS) juga turut terlibat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan penjagaan kesihatan penduduk kampung, antaranya sesi saringan kesihatan percuma seperti pemeriksaan kolesterol dan glukosa, konsultasi doktor dan farmasi, dan penyampaian 'Hygiene Kit' kepada penduduk kampung.



TURUN PADANG: Kasim ketika melawat sukarelawan pelajar membersihkan kawasan sekolah.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj Mansor ketika berucap pada program tersebut berkata, penganjuran program sebegini merupakan satu usaha bukan sahaja untuk mendekatkan universiti dengan komuniti, tetapi mahu menjadikan UMS sebagai peneraju masyarakat berinovasi menerusi program-program pemindahan ilmu yang diadakan.

"Mungkin sudah tiba masa penyelidikan-penyelidikan UMS mendapatkan geran berkaitan kaedah untuk menyelesaikan masalah banjir tidak

terhad di kawasan Kampung Rampayan, tetapi juga di kawasan-kawasan lain yang sering dilanda musibah banjir.

"Umpamanya pakar-pakar UMS boleh melaksanakan kajian berkaitan tebatan banjir bagi menangani masalah tersebut atau sekurang-kurangnya mengurangkan jumlah kerosakan harta yang dialami oleh penduduk kampung dan sekolah-sekolah yang terlibat," katanya.

Menurut beliau, musibah akibat banjir hanya mengakibatkan kerugian masa buat pelajar di sekolah yang

terjejas akibat banjir, selain menyebabkan kerugian harta benda sekolah tersebut.

"Justeru itu, UMS sebagai sebuah institusi yang paling dekat dengan sekolah dan penduduk kawasan kampung ini harus memainkan peranan dan mengukuhkan kerjasama bersama komuniti setempat agar UMS dapat memberi manfaat yang signifikan kepada masyarakat sekeliling," kata Kasim.

Terdahulu, Guru Besar SK Rampayan, Datin Masnah Bidin dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada UMS atas khidmat komuniti yang dijalankan di kampung tersebut khususnya di SK Rampayan.

"Program ini adalah berseesuaian dengan keadaan sekolah yang sudah berkali-kali dilanda musibah banjir, malah banjir besar yang terbaharu telah melepasi tembok penghalang dan menenggelamkan blok-blok di sekolah," katanya.

Hadir sama dalam menjayakan aktiviti gotong-royong perdana di kawasan kampung tersebut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Yakub Khan dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Datuk Tah Nia Hj Jaman.